



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**JURUTERA KERJA (B.3)  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**JURUTERA KERJA**  
**PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI**  
**KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Aeronautical Engineering / Aerospace / Bioengineering / Chemical Engineering / Computer Network / Electrical and Electronics Engineering / Materials Engineering / Mechanical Engineering / Mechatronics Engineering / Naval Engineering / Systems Engineering / Science, Technology, Engineering, Mathematics (STEM)* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan

1. b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Jurutera atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

1. c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
- ATAU**
2. a) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Jurutera atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

**ATAU**

2. b) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

### **1. Fungsi Kejuruteraan Sistem**

- a. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan sistem dalam perolehan dan pengurusan sepanjang hayat keupayaan;
- b. Memberi pendapat yang seimbang kepada ketua-ketua projek dalam semua tugas dalam projek termasuk menghuraikan skop sistem keperluan kejuruteraan, binaan (*architecture*) sistem, perancangan pengambilan / perolehan, mengetahui permasalahan integrasi, melaksanakan ujian dan penilaian, mengkoordinasi pengagihan sistem-sistem dan mengembangkan fikiran; dan
- c. Membantu kumpulan projek dalam melaksanakan fungsi-fungsi kejuruteraan sistem.

### **2. Fungsi Pengurusan Projek**

- a. Membantu dalam pengurusan kontrak dan jadual yang berkaitan, kos dan prestasi, risiko dan kualiti, boleh memanfaatkan pengurusan projek dan pengukuran alat; dan
- b. Membantu Pengurus Projek dalam mengumpul data dan maklumat bagi analisis keupayaan sistem, prestasi pembekal dalam menepati keperluan kontrak dan isu-isu *Defense Lives of Development* dalam mengimplementasikan sistem di persekitaran operasi.

### **3. Lain-lain keperluan**

- a. Membantu dan menyumbangkan kepada peranan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dalam perolehan kompleks dan proses-proses komersial yang berkenaan. Membantu kumpulan projek dan kumpulan komersial dalam melaksanakan fungsi perolehan;



- b. Melaksanakan, menyediakan dan membantu dalam perkembangan:
- i. Rangka Pelan bagi perolehan dengan mengambil kira pelanggan dan keadaan-keadaan lain.
  - ii. Jalan perolehan yang terbaik bagi Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).
  - iii. Sumber perolehan yang mungkin.
  - iv. Perkembangan dan penilaian kriteria cadangan komersial dan teknikal.
  - v. Penyediaan dokumen-dokumen komersial (*Expression of Interest (EOI)*, *Pre-Qualification Questionnaire (PQQ)*, *Request for Proposal (RFP)*, *Invitation to Tender (ITT)* dan lain-lain).
  - vi. Penyediaan terma bagi kontrak dengan menepati prinsip-prinsip komersial kerajaan dan KEMENTAH secara adil dan konsisten.
- c. Untuk memenuhi keperluan kompetensi / kemahiran seperti yang tersenarai dalam matriks kompetensi bagi Jurutera Kerja KEMENTAH;
4. Pernah menghadiri kursus berkaitan kejuruteraan sistem seperti *Systems Engineering and Management* atau *Acquisition / System Practitioner* atau yang sebanding adalah kelebihan; dan
  5. Melaksanakan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) dari semasa ke semasa.